

# Umno Pulau Pinang minta ahli sokong Pak Lah

**N**IBONG TEBAL: Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang meminta ahli Umno di negeri ini dan semua pihak memberi sokongan berterusan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmbad Badawi bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Timbalan Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, berkata adalah tidak wajar ahli Umno mempertikai kepimpinan Abdullah yang mendapat mandat besar dan kepercayaan rakyat dalam pilihan raya umum 2004.

Timbalan Ketua Menteri itu berkata, rakyat juga diminta supaya tidak terpengaruh dengan beberapa isu yang ditimbulkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika ini.

"Badan Perhubungan Umno Negeri membabitkan 13 bahagian Umno di negeri ini memberi sokongan padu serta tidak berbelah-bagi kepada Abdullah, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program Gotong Royong bersama pemimpin bagi membaik pulih rumah ibu tunggal, Hasnah Osman, 54, anjuran Yayasan Nibong Tebal, di Kampung Sungai Acheh, dekat sini, semalam.

Abdul Rashid juga berkata, beberapa isu dibangkitkan bekas Perdana Menteri tidak perlu diperheboh dan semua pihak mahu meneruskan hasrat Perdana Menteri menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Kerajaan negeri menyokong penuh kepemimpinan Abdullah untuk melaksanakan segala tindakan dan keputusan dibuat bersama barisan Kabinet selepas Dr Mahathir melemparkan kritikan paling keras kepada Abdullah.